


# NewspaperSG



We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLB's digital services during this period.

## Dari bangunan luas ke bilik di PA, Kallang

Berita Harian, 16 December 1994, Page 15

 Article also available on Microfilm Reel NL19782

Printer-Friendly Page

# Dari bangunan luas ke bilik di PA, Kallang

Sewa tidak terbayar, Persisi terpaksa pindah

Oleh **HANI MUSTAFA**

 Scroll to Top

**PERSEKUTUAN** Silat Singapura (Persisi) terpaksa mengosongkan rumah persatuannya yang ada dan berpindah ke sebuah bilik di Persatuan Rakyat (PA).

Langkah itu menyusuli kegagalan membayar sewa mengikut kadar pasaran bagi rumah di bekas bangunan Balai Rakyat Kampong Eunok, yang digunakannya sejak 1989.

Pejabat Tanah mengenakan sewa pada kadar pasaran itu kerana Persisi telah menyewakan sebahagian daripada bangunan itu kepada sebuah tadika swasta tanpa izinnya.

Bangunan itu disewakan kepada PA oleh Pejabat Tanah pada kadar sewa rendah dan PA pula membenarkan Persisi menggunakannya un-

tuk kegiatan silat dan bukan untuk tujuan komersil.

Bagaimanapun, Persisi menyewakan bangunan di Kampong Eunus itu kepada Nur Kindergarten dari April hingga November tahun lalu.

Ketika dihubungi, juru-cakap Pejabat Tanah berkata, Persisi perlu dikenakan sewa bulanan mengikut harga pasaran sebanyak \$2,300 kerana telah menggunakan rumah persatuannya itu untuk tujuan komersil.

Pejabat Tanah juga menyaman Persisi sebanyak \$24,238.71 Oktober lalu.

Persisi tidak mampu membayar sewa bulanan itu dan diberi sehingga akhir bulan ini untuk mengosongkan bangunan itu.

Setiausaha Persisi, Encik Sarkawi Maksom, berkata pihaknya telah diberitahu mengenai sewa bulanan yang

baru itu sejak beberapa bulan lalu, dan memutuskan untuk berpindah kerana tidak mampu membayarnya.

Mengenai 'rumah' persatuan yang baru, Encik Sarkawi berkata PA telah bersetuju untuk menempatkan Persisi di salah sebuah bilik di bangunannya.

Persisi akan berpindah ke pejabat baru itu lewat bulan ini dan menjalankan semua kegiatan silatnya di kawasan lapang PA mulai tahun depan.

Presiden Persisi, Encik Abdul Rahman Ismail, berkata ini adalah baik kerana di rumah persatuan sekarang, ia perlu perlu membelanjakan sehingga ratusan dolar setiap bulan untuk mengendalikannya sedangkan di PA kebanyakan kos pengendalian dibiayai oleh pihak PA.